



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER JULAI 2009/2010**

| | | |
|--------------------|----------|-----------------------------------|
| NAMA KURSUS | : | UNDANG-UNDANG KOMERSIAL |
| KOD KURSUS | : | PGN4601A |
| TARIKH | : | 27/10/2009 |
| TEMPAT | : | M12 |
| MASA | : | 2.30 – 5.30 PETANG (3 JAM) |

| | | |
|---------------------|----------|-------|
| NO. MATRIK | : | _____ |
| NAMA PROGRAM | : | _____ |
| NO. MEJA | : | _____ |

ARAHAN KEPADA CALON

- i. Sila jawab **semua** soalan.
- ii. Sila jawab di atas **Buku Jawapan** yang telah disediakan.
- iii. Sekiranya terdapat kekeliruan di versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris adalah terpakai.
- iv. Anda tidak dibenarkan membawa keluar kertas soalan ini daripada bilik peperiksaan.

JANGAN BUKA BUKU SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 7 MUKASURAT BERCETAK

Instruction: Answer all of the following questions. Support your answer with statutory provisions and case law.

Question 1

a) Explain the elements and conditions of *al-wakalah*. (10 marks)

b) Mr. Mahdi had been appointed by Seri Maju Sdn. Bhd. as an agent to purchase Lotus programming software. He was told by his principal that he can purchase the software from any supplier he wishes but the amount must not exceed RM50,000.00. However, Encik Mahdi exceeded his authority by purchasing the software from JJ Enterprise which costs RM70,000.00. JJ Enterprise then claimed the payment from Seri Maju Sdn. Bhd. as the principal to Mr. Mahdi.

Seri Maju Sdn. Bhd. would like to seek your advice whether it could be made liable for the contract entered into by its agent, Mr. Mahdi.

(10 marks)

Question 2

a) Farah entered into a hire purchase agreement with Triple Star Sdn. Bhd., a used car company, to buy a Myvi after being convinced by Adam, the company's agent. Farah was informed that the car was never involved in an accident. After using it for two days, Farah discovered that the car was involved in three accidents and some of the parts had been changed.

Farah decided to cancel the hire purchase agreement entered into between her and Triple Star Sdn. Bhd. Advise her.

(10 marks)

b) In August 2009, Madam Fiona moved to her new house. She went to Thong Electric Store and agreed to buy electrical appliances, amongst them a refrigerator, a washing machine and a microwave oven. She informed Mr. Thong, the owner of the shop that she would like to buy the goods through hire purchase. Mr. Thong gave her a blank document and asked her to sign. She was informed that the blank spaces would be filled up later.

Madam Fiona also entered into a hire purchase agreement with Selesa Furniture for the purchase of sofa set. After signing the document, Fatin, the owner of Selesa Furniture informed her that the copy of the agreement will be sent to her address within two weeks from the date of the agreement. Until now, she still has not received any document from Selesa Furniture.

Madam Fiona comes to seek your advice regarding the position of the hire purchase agreements she entered into with Thong Electric Store and Selesa Furniture.

(10 marks)

Question 3

a) Briefly explain **FIVE (5)** differences between Takaful and conventional insurance.

(10 marks)

b) Elaborate the following Islamic Banking products:

(i) *al-Bai Bithaman Ajil*

(5 marks)

(ii) *Bai' Salam*

(5 marks)

Question 4

a) With reference to the provisions in the Bill of Exchange Act 1949, define and explain the rights of holder in due course and holder for value.

(10 marks)

b) Explain the legal effect of the following types of cheque:

i) Undated cheque

ii) Ante-dated

iii) Post-dated cheque

iv) Overdue or stale cheque

(10 marks)

Question 5

- a) Rahman entered into a contract with Moha Sale & Service to install air conditioning system into his firm's office at a cost of RM1500.00. He paid RM500.00 and the work started. The office accidentally caught fire and was totally destroyed. Discuss the position of the above contract.

(10 marks)

- b) Ashraf sold his car to Bakri. Bakri drawn a cheque in favour of Ashraf. Both parties agreed that the title of the car will not be transferred until the cheque is honoured. Before the cheque was presented at the bank, Bakri sold the car to Salam. The cheque was dishonoured and as a result, Ashraf tried to get back his car from Salam. He claimed that he was the true owner of the car. Salam on the other hand claimed that the car legally belonged to him.

Decide who will get the title of the car according to Sale of Goods Act 1957 .

(10 marks)

Versi Bahasa Malaysia

Arahan: Jawab semua soalan di bawah. Sokong jawapan anda dengan peruntukan-peruntukan yang berkaitan dan kes undang-undang.

Soalan 1

a) Terangkan elemen dan syarat- syarat *al-wakalah*. (10 markah)

b) Encik Mahdi telah dilantik oleh Seri Maju Sdn. Bhd. sebagai ejen untuk membeli perisian memprogram Lotus. Beliau telah diberitahu oleh prinsipalnya bahawa beliau boleh membeli perisian tersebut daripada mana-mana pembekal tetapi jumlahnya tidak boleh melebihi RM50,000.00. Walau bagaimanapun, Encik Mahdi telah melampaui kuasanya dengan membeli perisian daripada JJ Enterprise dengan harga RM70,000.00. JJ Enterprise kemudiannya telah menuntut bayaran daripada Seri Maju Sdn. Bhd. sebagai prinsipal kepada Encik Mahdi.

Seri Maju Sdn. Bhd. ingin mendapatkan nasihat dari anda sama ada ia boleh dipertanggungjawabkan di atas kontrak yang telah dimasuki oleh ejennya, Encik Mahdi.

(10 markah)

Soalan 2

a) Farah telah memasuki perjanjian sewa beli dengan Triple Star Sdn. Bhd., sebuah syarikat kereta terpakai untuk membeli kereta Myvi, setelah diyakini oleh Adam, ejen syarikat tersebut. Farah telah dimaklumkan bahawa kereta tersebut tidak pernah terlibat dalam kemalangan. Setelah menggunakan kereta tersebut selama dua hari, Farah mendapati kereta itu telah terlibat dengan tiga kemalangan dan sebahagian daripada bahagiannya telahpun diganti.

Farah bercadang untuk membatalkan perjanjian sewa beli yang telah dimasukinya dengan syarikat Triple Star Sdn. Bhd. Nasihatkan beliau.

(10 markah)

- b) Pada bulan Ogos 2009, Puan Fiona telah berpindah ke rumah barunya. Beliau telah pergi ke Kedai Elektrik Thong dan bersetuju untuk membeli beberapa peralatan elektrik, antaranya sebuah peti sejuk, mesin basuh dan ketuhar gelombang mikro. Beliau telah memaklumkan kepada Encik Thong, pemilik kedai, bahawa beliau ingin membeli semua peralatan tersebut secara sewa beli. Encik Thong telah memberi kepadanya borang kosong dan meminta beliau untuk menandatangani borang tersebut. Beliau dimaklumkan bahawa ruangan yang kosong akan dipenuhi kemudian.

Puan Fiona juga telah memasuki perjanjian sewa beli dengan Kedai Perabut Selesa untuk membeli set sofa. Selepas menandatangani dokumen, Fatin, pemilik Kedai Perabut Selesa memberitahu beliau bahawa salinan perjanjian akan dihantar ke alamatnya dalam masa dua minggu dari tarikh ianya ditandatangani. Sehingga sekarang, beliau masih belum menerima sebarang dokumen dari Kedai Perabut Selesa.

Puan Fiona datang kepada anda untuk mendapatkan nasihat mengenai kedudukan perjanjian sewa beli yang telah dimasuki antara beliau dengan Kedai Elektrik Thong dan Kedai Perabut Selesa.

(10 markah)

Soalan 3

- a) Terangkan dengan ringkas **LIMA (5)** perbezaan antara Takaful dan insurans konvensional.

(10 markah)

- b) Terangkan dengan terperinci produk-produk perbankan Islam di bawah:

(i) *al-Bai Bithaman Ajil*

(5 markah)

(ii) *Bai' Salam*

(5 markah)

Soalan 4

- a) Dengan merujuk kepada peruntukan-peruntukan di dalam Akta Bil Pertukaran 1949, takrif dan terangkan hak-hak *holder in due course* dan *holder for value*.

(10 markah)

- b) Terangkan kesan perundangan bagi setiap jenis cek di bawah:

- (i) Cek tanpa tarikh
- (ii) Cek sebelum tarikh
- (iii) Cek selepas tarikh
- (iv) Cek lampau tempoh atau cek basi

(10 markah)

Soalan 5

- a) Rahman memasuki perjanjian dengan Moha Sale & Service untuk memasang sistem penghawa dingin di pejabat firmannya dengan harga RM1500.00. Dia membayar RM500.00 dan kerja-kerja pemasangan bermula. Secara tiba-tiba pejabat terbakar dan musnah sama sekali. Bincangkan kedudukan kontrak di atas.

(10 markah)

- b) Ashraf telah menjual keretanya kepada Bakri. Bakri telah mengeluarkan cek atas nama Ashraf. Kedua-dua pihak telah bersetuju bahawa hak milik kereta tersebut tidak akan berpindah sehinggalah cek tersebut ditunaikan. Sebelum cek tersebut ditunaikan di bank, Bakri telah menjual kereta itu kepada Salam. Cek itu tidak diperakukan. Akibatnya Ashraf telah cuba untuk mendapatkan kembali kereta itu daripada Salam. Beliau mengaku bahawa beliau adalah pemilik sebenar kereta tersebut. Salam, sebaliknya mendakwa bahawa kereta itu adalah miliknya yang sah.

Putuskan siapakah yang akan memperolehi hak milik kereta itu mengikut Akta Jualan Barangan 1957.

(10 markah)

-Kertas Soalan Tamat-